

14 NOV 2000

Najib-Palestin

MALAYSIA BOLEH HANTAR PENGAMAN KE PALESTIN DALAM TEMPOH SINGKAT

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berupaya menghantar pasukan pengamannya ke Palestin pada bila-bila masa dalam tempoh singkat sekiranya mendapat mandat daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata berdasarkan rekod di Bosnia Herzegovina dan Somalia, beliau yakin ATM dapat memainkan peranan yang bermakna dalam menentukan keamanan di Palestin dan memastikan rakyatnya tidak terus teraniaya.

"Tidak menjadi masalah, memang kita ada batalion ataupun unit yang sesuai. Kita ada unit mechanised yang boleh kita hantar pada bila-bila masa dalam masa singkat," katanya kepada pemberita sebelum mengadakan pertemuan dengan anggota jawatankuasa Biro Antarabangsa Pemuda Umno, di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengenai kesediaan Malaysia mengambil bahagian dalam operasi PBB bagi melindungi rakyat Palestin yang sedang diancam tentera Israel.

Najib berkata beliau berharap Majlis Keselamatan PBB dapat membuat keputusan secepat mungkin bagi membolehkan penghantaran pengaman ke Palestin.

"Sepatutnya PBB mengambil tindakan pantas untuk meredakan keadaan dan tidak membenarkan pertumpahan darah berterusan, sebaik mungkin ialah dengan membuat keputusan menghantar pasukan pengaman ke kawasan tersebut," katanya.

Ketika ditanya adakah penyertaan Malaysia sebagai pasukan pengaman di Palestin akan mendapat protes daripada Israel dan Amerika Syarikat kerana Malaysia sebuah negara Islam, Najib berkata prasangka itu tidak berasas kerana rekod semasa misi pengaman di Bosnia Herzegovina jelas membuktikan tentera Malaysia adil.

"Di Bosnia Herzegovina, tentera kita yang terdiri daripada orang Islam mendapat pujian bukan sahaja di kalangan orang Islam tetapi yang bukan Islam. Mereka mengakui bahawa kita menjalankan tugas dengan penuh profesionalisma dan adil,"katanya.

Mengenai pertemuannya dengan anggota jawatankuasa Biro Antarabangsa Pemuda Umno, Najib berkata antara perkara yang dijangka akan dibincangkan ialah mengenai isu kekejaman tentera Israel terhadap rakyat Palestin.

-- BERNAMA

NY ZS FAZ